

Remaja ponteng disangka pencuri

NORSHAHZURA MAT ZUKI


SHAH ALAM – Tindakan berani tiga remaja memasuki sebuah rumah melalui tingkap mengejutkan penduduk sekitar Pangsapuri Seksyen 16, dekat sini yang menyangka mereka adalah pencuri awal pagi semalam berikutan kejadian pecah rumah kerap berlaku di kawasan itu.

Ketiga-tiga remaja itu berumur dalam lingkungan 16 hingga 18 tahun berjaya ditangkap oleh penduduk sekitar setelah mereka cuba memasuki rumah seorang ibu tunggal di Blok 19, pangsapuri itu melalui tingkap apabila gagal memasuki pintu utama yang berkunci.

Pengerusi Jawatankuasa Kawasan Rukun Tetangga (JKKKRT) Rumah Pangsapuri Seksyen 16, Abd Hamid Tauarib berkata, tindakan mereka memasuki rumah itu melalui tingkap me-



● Tindakan seorang remaja yang memasuki salah sebuah rumah di Blok 19, Pangsapuri Seksyen 16, disangka pencuri oleh penduduk tempatan berikutan kejadian jenayah kerap berlaku di kawasan itu.



● ABD HAMID TAUARIB

nyebabkan kecurigaan dan tanda tanya kepada penduduk sekitar yang menyangka mereka pencuri.

"Ini berikutan kejadian pecah rumah pada waktu siang di kawasan perumahan kami kerap berlaku dan tindakan remaja ini membuat demikian mencurigakan kerana penduduk sekitar sedia maklum pemilik rumah

itu tidak ada di rumah kerana bekerja.

"Penduduk berjaya menangkap kesemua remaja itu yang terdiri daripada pelajar sekolah dari Cheras, TTDI Jaya dan penganggur dari Seksyen 24 dan setelah disoal siasat, kami mendapati mereka adalah kawan kepada anak pemilik rumah itu,"katanya.

Abd Hamid berkata, tindakan mereka memasuki rumah itu bertujuan untuk 'tidur' tidak masuk akal kerana salah seorang daripadanya remaja perempuan bawah umur dan penduduk mengesyaki mereka akan melakukan perkara yang tidak senonoh dalam rumah berkenaan.

"Bagaimapun kese-

mua remaja tersebut dilepaskan dan diberikan nasihat serta saya kecewa kerana mereka berasal dari keluarga yang bermasalah sanggup ponteng sekolah untuk melakukan perkara yang tidak berfaedah tanpa memikirkan masa depan mereka,"katanya.

Menurutnya, kejadian jenayah bukanlah perkara

baru di kawasan pangsapuri tersebut kerana kebanyakan pencuri mengambil kesempatan berbuat demikian pada waktu tengah hari disebabkan penduduk tidak ada di rumah kerana keluar bekerja.

"Saya berharap penduduk di pangsapuri ini akan memberikan kerjasama untuk bersama-sama membanteras jenayah dan ibu bapa pula perlu mengawasi pergaulan anak-anak mereka daripada berkawan dengan golongan yang tidak baik.

"Penduduk juga perlu peka dengan keadaan sekeliling dan sekiranya melihat orang yang mencurigakan, mereka perlu terus menghubungi pihak polis atau JKKKRT serta berbaik dengan jiran untuk mendapatkan bantuan melihat keadaan rumah sekiranya meninggalkan rumah dalam waktu yang lama," kata beliau lagi.